

Headline	Kerajaan belum putus semak tarif elektrik		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	12 Jul 2013	Color	Black/white
Section	Nasional	Circulation	192,982
Page No	6	Readership	1,521,000
Language	Malay	ArticleSize	127 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,219
Frequency	Daily	PR Value	RM 6,657



Kerajaan belum putus semak tarif elektrik

Kuala Lumpur: Kerajaan belum membuat keputusan berhubung semakan semula tarif elektrik, kata Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, Datuk Seri Dr Maximus Ongkili.

Beliau memberi jaminan, sebarang kenaikan tarif elektrik bukan saja bergantung kepada kenaikan kos bahan api, tetapi juga mengambil kira bebananya kepada pengguna.

“Secara jujurnya, pada masa ini, kami (kerajaan) belum membuat keputusan mengenai semakan tarif elektrik dan proses itu masih berjalan.

“Bagaimanapun, ia perlu di-

lihat secara rasional terutama membabitkan kos bahan api semakin meningkat,” katanya pada sidang media selepas pelancaran Indeks Bangunan Hijau bagi pembinaan kediaman versi ketiga, di sini, semalam.

Perlu mekanisme khusus

“Selain itu, kita juga perlu melihat bagaimana PETRONAS dan Tenaga Nasional Bhd (TNB) boleh menyerap peningkatan ini. Justeru, perlu ada satu mekanisme khusus, bukan saja satu pihak yang menanggung kosnya, sama ada kerajaan, syarikat utiliti

atau pengguna.

“Isunya sama ada kita mahu memindahkannya kepada pengguna atau tidak, berapa dan bila, itu keputusan yang akan dibuat Kabinet,” katanya.

Awal tahun ini, bekas Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, Datuk Peter Chin Fah Kui, berkata, kadar tarif elektrik akan kekal pada paras semasa sehingga Jun tahun ini.

Kali terakhir kerajaan menyemak tarif elektrik ialah pada Jun 2011, berikutan peningkatan harga gas asli cecair bagi sektor tenaga.

Ongkili turut menafikan perlaksanaan mekanisme Fuel-Cost Pass Through (FCPT) memberikan keuntungan tambahan kepada syarikat utiliti.

“*la perlu dilihat secara rasional terutama membabitkan kos bahan api yang semakin meningkat*”

Maximus Ongkili,
Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air